

berita **pkink**

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

مركز كمالجوان اقتصادي نوري كالتين

Bil. 4/2007

Sept-Dec 2007

Ramadhan-Zulhijjah



www.pkink.gov.my

Edaran Percuma



Seminar Sesi Percambahan Fikiran

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN KUMPULAN PKINK



Pada 30 Disember 2007, Bahagian Perancangan Korporat PKINK telah mengadakan Seminar Sesi Percambahan Fikiran Untuk Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan PKINK di Dewah Bunga Tanjung, Hotel Perdana.

Seminar tersebut yang berlangsung sehari bermula dari pagi hingga petang telah dihadiri oleh seramai 48 orang yang terdiri dari Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi Syarikat Anak, Pengurus-Pengurus Perbadanan dan Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak.

Bengkel dimulakan dengan ucapan aluan Tuan Ketua Eksekutif yang secara ringkas telah menerangkan;

- Objektif dan latarbelakang sesi percambahan fikiran ini diadakan,
- Rumusan sesi percambahan fikiran peringkat pengurusan PKINK di Cameron Highland pada bulan April 2007, serta

- Prestasi kewangan Kumpulan PKINK semasa sehingga 31 Oktober 2007 dan Bajet Disemak untuk tahun 2008.

Ucaptama atau "Keynote Address" pula disampaikan oleh YBhg Dato' Dr Hj Abdul Samad B Hj Alias, yang merupakan Pengerusi JK Audit & Naziran PKINK. Beliau menekankan kepada faktor-faktor kejayaan yang boleh mengembangkan lagi peranan PKINK di masa hadapan iaitu;

- Keinginan untuk berjaya dan disenangi (sense of wanting to achieve)
- Berusaha menuju kejayaan (Progress for success)
- Keberkesanan Ahli Lembaga Pengarah (board effectiveness)

Beliau memberi contoh beberapa syarikat berjaya untuk sektor kerajaan, seperti Perbadanan Insuran Deposit Malaysia dimana setiap ahli Lembaga

ISSN 0127-3256

Sidang Editor

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya
Wan Salleh

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Wan Adnan
Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj Taib

EDITOR

En Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG

Pn Sofia Aizan Che Soh
Pn Zakiah Mohamed
Pn Hawa M Salleh

JURUFOTO

YM Tengku Petra Tengku Wook

Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK,
Jalan Tengku Maharani,
Peti Surat 142,
15710 Kota Bharu, Kelantan.
www.pkink.gov.my

Tel: 09-7414141 Fax: 09-7414140

Dicetak Oleh

PERCETAKAN ZULRAHIM SDN BHD

Lot 1811, Bangunan KPKB,
Paya Rambai, Jalan Bayam,
15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 019-9976513, 013-9438881



*Dari Meja
Ketua Editor*

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita PKINK Bilangan 4 /2007.

Kita akan melangkah ke tahun baru 2008 dan tahun baru Hijrah 1429. Tahun 2007 dan 1428H akan ditinggalkan dengan segala kenangan baik atau buruk. Marilah kita bersama-sama muhasabah diri atau menilai semula segala perbuatan dan pekerjaan yang telah kita lakukan pada tahun 2007. Muhasabah diri penting supaya kita tidak mengulangi segala kesilapan yang sama pada masa akan datang.

Kata Khalifah Umar Al-Khattab, 'Muhasabahlah serta hitunglah dirimu sebelum kamu dihitug oleh Allah. Mereka yang berani melakukan muhasabah dan kemudian membuat perubahan positif ke atas diri sendiri, merekalah orang yang akan berjaya'.

Muhasabah yang dilakukan dengan ikhlas akan melahirkan keinsafan di hati. Keinsafan akan melahirkan taubat. Taubat yang hakiki ialah taubat nasuha.

Dalam menyambut tahun baru hijrah 1429 dan tahun baru masihi 2008, marilah kita semua menanamkan azam dan tekad untuk bekerja bersungguh-sungguh dan membuang segala sifat negatif yang boleh merosakkan agama, organisasi, negeri dan negara.


Dalam hal ini, Kumpulan PKINK telah meletakkan sasaran untuk mencapai keuntungan RM42 juta pada tahun 2008. Saya berharap dan menyeru agar semua anggota Kumpulan PKINK dapat bekerja lebih kuat, lebih tersusun dan lebih cekap bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai.

Sekali lagi saya mengulangi apa yang telah disebut sebelum ini iaitu kesungguhan kita dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan menitikberatkan beberapa perkara iaitu menanamkan sikap iltizam dan komited dengan peraturan Allah dan peraturan organisasi, mengurus masa dengan berkesan serta melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

Semua ini penting dan menjadi keutamaan bagi melihat Kumpulan PKINK dan negeri Kelantan dapat dibangunkan dengan cemerlang atas asas iman dan taqwa kepada Allah.

*** PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH ***

Ibadat KORBAN



Pada 8 Zulhijjah 1428 bersamaan 18 Disember 2007 satu ceramah bertajuk "Korban Lambang Kepatuhan dan Ketaatan Kepada Allah Taala" telah disampaikan oleh Ustaz Kamaruddin Kamil dari Yayasan Islam Kelantan, di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Ceramah diadakan sempena Sambutan Hari raya Aidil Adha 1428 Hijrah.

Ceramah yang disampaikan tertumpu kepada 4 faktor utama, iaitu;


1. **Maksud Korban** - ialah penyerahan diri kepada Allah S.W.T. di dalam semua keadaan. Manakala penyembelihan yang dilakukan sempena ibadat korban mestilah dilakukan mengikut kaedah dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
2. **Pengorbanan Keluarga Nabi Ibrahim**
 - a. Ketika Nabi Ibrahim berdepan dengan bapanya yang merupakan seorang pengukir berhala, di mana Nabi Ibrahim terpaksa menjual berhala-berhala yang diukir bapanya. Di sini Nabi Ibrahim memainkan peranannya secara senyap-senyap cuba untuk menggagalkan usaha bapanya untuk menjual berhala-berhala tersebut.
 - b. Apabila Nabi Ibrahim meningkat dewasa, beliau berdepan pula dengan pembesar-pembesar negeri di dalam menegakkan Syiar Allah, dimana beliau telah dicampakkan kedalam api

yang sedang marak, dan beliau diselamatkan oleh Allah S.W.T.

- c. Cubaan di mana Nabi Ibrahim terpaksa berpisah dengan isterinya Hajar dan puteranya Ismail yang ditinggalkan di tengah-tengah padang pasir, yang selepas itu di kenali dengan nama Kota Mekah.
 - d. Cubaan di mana Nabi Ibrahim diperintah menyembelihkan puteranya Ismail, dan Allah S.W.T. telah menukarkan nabi Ismail dengan kibas.
3. **Jenis-Jenis Pengorbanan**
 - a. Pengorbanan diri dan keluarga
 - b. Pengorbanan harta kekayaan dan pangkat
 - c. Pengorbanan tempat tinggal dan kampung halaman.
 4. **Ibadat Korban**
 - a. Hukum - Sunat muakkad kifayah, di mana sekiranya seorang dalam satu keluarga mengerjakannya maka seluruh isi keluarganya mendapat pahala. "Sesiapa yang mempunyai kemudahan berkurban,

akan tetapi tidak melaksanakannya, maka janganlah ia menghampiri tempat solat kami"
Baihaqi.

- b. Masa mengerjakannya - Selepas solat Hari Raya hinggalah jatuh matahari hari tasyrik terakhir iaitu pada 13 Zulhijjah.
- c. Jenis Binatang - Binatang temakan berkaki empat dan sempurna kejadiannya.
- d. Fadilatnya
 - i. Pahala untuk semua ahli keluarga
 - ii. Darah - diterima sebelum jatuh ke bumi.
 - iii. Bulu dan segala anggota menjadi saksi
- e. Cara pelaksanaan
 - i. Niat ikhlas kepada Allah S.W.T.
 - ii. Tidak digalak mengerat kuku/rambut bermula 1 Zulhijjah
 - iii. Cara penyembelihan -Sembelih sendiri/wakil/ saksi penyembelihan -Binatang menghala kiblat -Membaca "Bismillah, Allahu Akbar"



TAZKIRAH

Disampaikan Oleh Tuan Haji Mohd Shah Abdul Kadir
pada 7 Oktober 2008

LAILATULQADAR MALAM YANG DINANTI OLEH MUKMIN

10 akhir Ramadhan adalah merupakan di antara malam-malam yang penuh dengan keberkatan dan kelebihan yang tertentu. Malam-malam ini adalah merupakan malam yang ditunggu-tunggu oleh seluruh orang mukmin. Bulan Ramadhan, Al Quran dan malam Lailatulqadar mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain sebagaimana yang diterangkan di dalam kitab Allah dan hadis Rasulullah s.a.w., diantaranya firman Allah s.w.t. yang bermaksud;

"Sesungguhnya kami menurunkan Al-Quran pada malam Lailatulqadar dan apakah yang menyebabkan engkau mengerti apa itu Lailatulqadar. Lailatulqadar lebih baik daripada 1000 bulan. Pada malam itu, para malaikat dan Jibril turun dengan keizinan daripada Tuhan mereka untuk setiap urusan. Malam ini sejahtera hingga terbit fajar".

Kelebihan Menghayati Malam Lailatulqadar

Kerana mulianya Lailatulqadar, Rasulullah s.a.w. menganjurkan supaya umatnya bersedia menyambut dan menghayati malam yang berkat itu dengan pelbagai jenis amalan dan ibadah yang diterangkan antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

"Barangsiapa menghayati malam Lailatulqadar dengan mengerjakan sembahyang dan berbagai jenis ibadat yang lain sedang ia beriman dan mengharapkan rahmat Allah taala nescaya ia diampunkan dosanya yang terdahulu."

Rasulullah s.a.w. sendiri menjadi contoh yang baik yang menghayati malam lailatulqadar terutama 10 malam yang akhir daripada bulan Ramadhan dengan beriktikaf di Masjid mengerjakan pelbagai amal ibadah untuk menyambut malam Lailatulqadar yang mulia. Ini diterangkan di dalam satu hadis diriwayatkan daripada Aishah r.a. Katanya:

"Biasanya Rasulullah S.A.W. berusaha dengan bersungguh-sungguh memperbanyakkan amal ibadah pada 10 malam yang akhir daripada bulan Ramadhan berbanding dengan masa yang lain."

Dalam hadis yang lain Aishah juga meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud;

"Bersedialah dengan bersungguh-sungguh untuk menemui malam Lailatulqadar pada malam-malam yang ganjil dalam 10 malam yang akhir daripada bulan Ramadhan".

Malam-malam yang ganjil yang tersebut ialah malam 21, 23, 25, 27 & 29 dari bulan Ramadhan. Dalam pada itu terdapat juga beberapa hadis yang menyatakan bahawa malam Lailatulqadar itu pernah ditemui dalam zaman Rasulullah s.a.w. pada malam 21 Ramadhan. Pernah juga ditemui pada malam 23 Ramadhan. Terdapat juga hadis yang mengatakan bahawa baginda Rasulullah s.a.w. menjawab pertanyaan seorang sahabat yang bertanya mengenai masa Lailatulqadar supaya ianya bersedia dan menghayatinya. Baginda menjelaskan malam Lailatulqadar itu adalah malam 27 Ramadhan.

Dari keterangan-keterangan di atas dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa malam Lailatulqadar itu berpindah dari satu tahun ke satu tahun yang lain di dalam lingkungan 10 malam yang akhir dari bulan Ramadhan. Yang pastinya bahawa masa berlakunya malam Lailatulqadar itu tetap dirahsiakan oleh Allah s.w.t. supaya setiap umat Islam menghayati 10 malam yang akhir daripada Ramadhan dengan amal ibadat. Kerana dengan cara itulah sahaja mudah-mudahan akan dapat menemuinya dan dapat pula rahmat yang diharapkan yang akan menjadikan seseorang itu hidup bahagia di dunia mahupun di akhirat.

Doa khusus di Malam Lailatulqadar

Doa tersebut diterangkan di dalam hadis berikut

1. Hadis yang diriwayatkan daripada Aishah r.a. yang bermaksud:

"Saya pernah bertanya kepada Rasulullah S.A.W. bagaimana kiranya saya mengetahui malam Lailatulqadar dengan tepat. Apa yang saya akan doakan pada saat itu. Baginda menjawab berdoalah dengan doa yang berikut" Maksudnya: "Ya Allah ya Tuhanku sesungguhnya engkau sentiasa memaafkan salah silaf hamba lagi suka memaafkan oleh itu maafkanlah salah silafku".

Orang yang beribadah pada 10 malam yang tersebut akan mendapat rahmat yang dijanjikan dan telah sabit di dalam hadis-hadis yang sahih bahawa malam Lailatulqadar ujud pada salah satu malam yang 10 itu terutama pada malam 21, 23, 25, 27 dan 29. Orang-orang yang tekun beribadah di dalam masa tersebut untuk menemui malam Lailatulqadar akan mendapat rahmat yang dijanjikan itu samada ia dapat menemui atau tidak dan tidak melihat apa-apa kerana yang penting yang tersebut di dalam hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim ialah:

1. Menghayati malam tersebut dengan beribadah.
2. Beriman dengan yakin bahawa malam Lailatulqadar itu adalah benar dan dituntut menghayatinya dengan amal ibadah.
3. Amal ibadah itu dikerjakan kerana Allah semata-mata dengan mengharap rahmatnya dan keredaannya.

Adalah diharapkan sebelum daripada kita beramal ibadat di malam Lailatulqadar hendaklah kita bertaubat dengan sebenar-benarnya iaitu taubat nasuha dan terus beristiqamah tetap teguh mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangannya.

Tanda Malam Lailatulqadar

Para alim ulamak menyebutkan beberapa tanda atau alamat berhubung dengan malam Lailatulqadar:

- Ada yang berkata orang yang menemui malam Lailatulqadar ia melihat nur yang terang benderang di segenap tempat hingga di segala cerok yang gelap gelita.
- Ada pula yang berkata ia mendengar ucapan salam dan kata-kata yang lain dari Malaikat.
- Ada juga yang berkata ia melihat segala benda termasuk pohon-pohon kayu rebah sujud.
- Ada pula yang berkata doa permohonannya makbul.

Imam Tabari r.h. menegaskan bahawa semuanya itu tidak lazim dan tidak semestinya ia dapat melihatnya kerana tidak disyaratkan melihat sesuatu atau mendengarnya untuk menemui malam Lailatulqadar.

dari muka surat 1

Pengarah mempunyai kecekapan yang tersendiri. Manakala untuk sektor swasta, konsep "Management by walking about" telah memastikan kejayaan IOI Corporation. Beliau juga turut memberikan contoh kegagalan sebuah badan separa kerajaan/berkanun, akibat ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lebih memfokuskan kepada isu-isu peribadi melebihi isu-isu organisasi.

Justeru itu, beliau menyeru agar setiap ahli Lembaga Pengarah mesti memberi tumpuan untuk meningkatkan prestasi syarikat dan pengurusan PKINK perlu mewujudkan satu Seminar berhubung Ethical Code of Conducts memastikan tiada pertelingkahan kepentingan antara ahli-ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PKINK.

Selepas moderator Dr Sr Mohd Mazlan membentangkan secara terperinci Rumusan Sesi Percambahan Fikiran peringkat Pengurusan Kumpulan yang diadakan di Cameron Highland dalam bulan April 2007, para peserta dipecahkan kepada 5 kumpulan untuk sesi bengkel bagi membincangkan faktor-faktor kritikal yang akan menjamin kecemerlangan PKINK.

Setiap kumpulan telah membentangkan hasil perbincangan mereka dan sesi diteruskan dengan satu Sidang Pleno yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan dengan 3 orang ahli panel yang terdiri dari YBhg Dato' Dr Hj Abd Samad Alias, YABrs Ketua Eksekutif PKINK serta Dr.Mohd Mazlan.

YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan telah menyempumakan acara penutup Sesi Percambahan Fikiran pada jam 5.00 petang.

Dalam ucapannya, Menteri Besar berharap agar Kumpulan PKINK dapat melaksanakan semua resolusi yang telah dicapai melalui seminar tersebut bagi memastikan kejayaan Kumpulan PKINK. Menteri Besar juga berharap agar kumpulan PKINK dapat melakukan perubahan dalam imej dan sistem yang diamalkan kepada suatu bentuk imej dan jenama baru yang membolehkan ia menjadi contoh kepada orang lain.

TAZKIRAH



PUASA ENAM Ibadat Puasa Setahun

Disampaikan Oleh
YM Tuan Muhammad Faizal b. Tuan Sulaiman
pada 4 November 2007

Sepanjang Ramadhan, kita berpeluang menjalani ibadah puasa dan ibadat lain seperti solat sunat, sedekah, bacaan Al-Quran dan amalan-amalan lain yang kita harapkan agar diterima oleh Allah S.W.T. Setiap amalan yang kita lakukan ada kesan dan hasilnya. Ibadat puasa Ramadhan ini mampu menjadikan kita orang yang bertaqwa. Kita inginkan keberkatan Ramadhan ini berpanjangan hingga setahun, tapi apakan daya ia datang hanya sebulan sahaja, terlalu cepat berlalu.

Sungguhpun begitu kita masih berpeluang meneruskan puasa selepas 1 Syawal. Amalan mengerjakan puasa sunat 6 hari dalam bulan Syawal ini boleh dilakukan samada mulai 2 Syawal hingga 7 Syawal secara berterusan ataupun mana-mana 6 hari dalam bulan Syawal. Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

“Barangsiapa berpuasa Ramadhan kemudian diikuti 6 hari dalam bulan Syawal, maka orang itu seolah-olah berpuasa setahun penuh”.

Begitulah besarnya pahala apabila kita melaksanakan puasa di bulan Ramadhan dan ditambah dengan puasa enam. Sebagaimana kita maklum, amalan sunat adalah sebagai penampal atau penutup mana-mana kekurangan dalam amalan fardhu. Oleh itu rebutlah peluang ini, selain mendapat pahala puasa setahun, ia juga dapat memperbaiki kekurangan dalam ibadat puasa Ramadhan.

Kesan dari amalan puasa ialah taqwa dan rasa kasih akan Allah. Tanda kita mengasihi Allah ialah kita sentiasa ingin berkhidmat kepadaNya. Sesiapa yang mencintai Allah, dia akan mendapat kebahagiaan di dunia dan Akhirat, tetapi sesiapa yang mencintai dunia dan isinya, ketahuilah bahawa dunia akan meninggalkan kita, kenikmatan yang hanya sementara ini adalah terlalu sedikit dan akan berakhir, sebaliknya kenikmatan akhirat akan kekal abadi tanpa ada batasan waktu.

Antara tanda kita mengasihi akan Allah ialah mulut kita akan sentiasa berzikir iaitu mengingati dan menyebut Allah. Hati kita juga sentiasa mengingati Allah. Setiap amalan yang ingin kita lakukan perlu difikir dan dipertimbangkan, adakah ianya untuk nafsu atau Allah. Selain itu sentiasalah mendampingi orang-orang alim ataupun para ulamak kerana mereka adalah pewaris nabi. Jika kita mencintai nabi dan para ulamak, insyaAllah kita akan bersama mereka di akhirat kelak. Sebagai penutup, sama-samalah kita berdoa agar Ramadhan tahun hadapan dapat kita tempuhi bersama:

“Ya Allah, masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang merindui Ramadhan, kerana kami sedar di Syurga tedapat sebuah pintu bernama Ar-Rayyan yang tidak boleh dimasuki oleh sesiapa kecuali orang yang berpuasa sahaja. Kami juga sedar ya Allah, bahawa puasa merupakan benteng terkuat dari azab api neraka. Oleh itu jadikanlah kami orang-orang yang rajin mengerjakan puasa wajib dan sunat. Kau peliharakanlah kami dari azab api neraka yang tidak mampu bagi kami untuk menanggungnya”.....

PERJUMPAAN DENGAN **KETUA EKSEKUTIF**



Ketua Eksekutif PKINK telah mengadakan satu sesi perjumpaan dengan semua anggota PKINK melalui Bahagian masing-masing. Tujuan perjumpaan tersebut diadakan adalah untuk melihat prestasi setiap bahagian sepanjang tahun 2007 dan juga perancangan tahun 2008. Selain itu Ketua Eksekutif juga bersedia mendengar dan mengambilkira keluhan dan cadangan dari semua anggota PKINK. Jadual perjumpaan adalah sebagaimana berikut:


Tarikh	Masa	Bahagian
12 Disember 2007 (Rabu)	9.30 pagi 11.00 pagi 2.30 petang 4.00 petang	Pengurusan Sumber Manusia Perancangan Korporat Kewangan Pembangunan Usahawan
13 Disember 2007 (Khamis)	9.30 pagi 2.30 petang 3.30 petang	Audit & Naziran Projek & Hartanah Perdagangan Antarabangsa Sistem Pengurusan Maklumat
16 Disember 2007 (Ahad)	9.30 pagi 11.00 pagi	Khidmat Teknikal Industri & IKS

PKINK **TUAN RUMAH** **PTK WILAYAH TIMUR**



Pada 19 - 26 November 2007, Perbadanan Kemajuan Iktisad negeri Kelantan (PKINK) telah dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) bagi menguruskan Peperiksaan PTK bagi Zon Timur yang terdiri dari Kelantan, Pahang dan Terengganu. Peperiksaan tersebut telah di adakan di Auditorium Mara, Tingkat 3, Bangunan Mara, Kota Bharu.

Seramai 140 calon dari pelbagai Jabatan di bawah MECD bagi Wilayah Timur telah mengambil Peperiksaan PTK yang terdiri daripada berbagai gred. Bagi calon PKINK seramai 68 orang telah mengambil peperiksaan PTK iaitu gred 17 seramai 34 orang, gred 22 seramai 6 orang, gred 27 seramai 10 orang, gred 29 seramai 3 orang, gred 32 seramai 4 orang, gred 36 seorang dan gred 41 seramai 10 orang.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kumpulan PKINK

PKINK sekali lagi menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1428 peringkat kumpulan pada 16 Syawal 1428 bersamaan 28 Oktober 2007 bertempat di ruang tempat letak kereta di bangunan PKINK.

Pelbagai juadah telah disediakan untuk para jemputan antaranya nasi dagang, nasi beriani, ketupat, rendang, roti jala, mee, kuih-muih dan yang enaknyanya satay panas dan banyak lagi. Berlainan pada tahun-tahun yang lepas, makanan-makanan ini ditempatkan di kiosk-kiosk yang disediakan dan diselenggara oleh setiap bahagian yang menjaganya.


Turut hadir pada majlis itu, adalah YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b Nik Mat Menteri Besar Kelantan, Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, anak-anak syarikat kumpulan PKINK dan ahli keluarga anggota PKINK. Majlis hari raya tidak meriah sekiranya tidak ada duit hari raya. Isteri kepada Ketua Eksekutif Puan Noriah bt Derahman turut mengagihkan duit hari raya kepada anak-anak anggota yang hadir pada hari itu. Turut diraikan pada majlis hari raya tersebut ialah 30 orang pelajar Antarabangsa Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra Nilam Puri Kota Bharu.

Majlis berakhir lebih kurang jam 3.00 petang dan InsyaAllah jika ada murah rezeki dan umur yang panjang kita akan berjumpa lagi pada tahun hadapan.


berita **pkink**

BINARAYA

بيناراي



Majlis Perasmian Bangunan Binaraya Dan Pelancaran Laman Web



Binaraya PKINK Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) ditubuhkan pada 22 Januari 1981 bertujuan untuk memerulakan dan membantu Kerajaan Negeri Kelantan bagi mewujudkan kawasan perumahan yang terancang dan lengkap bagi rakyat Negeri Kelantan Darulnaim disamping bertindak sebagai pemaju perumahan dan pusat pemasaran perumahan.

Operasi Binaraya bermula di Bangunan Wisma Iktisad, Jalan Maju yang sekarang ini telah menjadi Hotel Raudah, kemudiannya pada Januari 1983 telah berpindah ke Lot 4374-F, Bangunan Yusmah, Jalan Kebun Sultan. Binaraya meneruskan operasi di Tingkat 4, Bangunan PKB, yang sekarang ini dikenali dengan Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong pada April 1988. Pada Januari 1990 sekali lagi Binaraya telah berpindah, kali ini ke Tingkat 2 Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani sehinggalah pada Februari 1993, Binaraya telah mempunyai bangunan sendiri yang terletak di Jalan Padang Garong.

Seiring dengan perkembangan pesat Binaraya dan keperluan kepada ruang pejabat yang lebih luas dan selesa bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan, Binaraya telah maju ke hadapan dengan pembinaan Bangunan Binaraya di Jalan Abdul Kadir Adabi, Kota Bharu. Mulai pertengahan Disember 2005, Pejabat Binaraya telah berpindah ke bangunan baru ini. Bangunan baru setinggi 3 tingkat tersebut merangkumi ruang Pameran atau 'show room' dan pejabat Bahagian Pemasaran di tingkat bawah, Pejabat Pengurus Besar serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan di Tingkat 1 dan Bahagian Projek di Tingkat 2.

Majlis perasmian Bangunan Binaraya yang baru ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan pada 29 Zulkaedah 1428 bersamaan 9 Disember 2007. Serentak dengan perasmian bangunan ini, juga telah dilancarkan laman web Binaraya. Sebelum ini laman web Binaraya boleh di layari dalam laman web PKINK. Kepada mereka-mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan Binaraya dan projek-projek barunya bolehlah layari www.binaraya.com.my



Pelancaran Prototaip Francais Ar-Rahn

Pasir Mas 19 November 2007- Permodalan Kelantan Berhad (PKB) anak syarikat PKINK telah melancarkan prototaip francais Ar-Rahn. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh En. Zainuddin Ahmad, Pengarah Bahagian Pembangunan Francais, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Dalam ucapan aluannya, Haji Mohd Sabri Abdullah Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad (PKB) berkata PKB mensasarkan untuk membuka kira-kira 150 outlet Ar-Rahn di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dalam masa 10 tahun akan datang. Sehingga

kini PKB mempunyai 10 cawangan Ar-Rahn di seluruh Kelantan dan akan membuka sebuah cawangan baru di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur pada awal tahun 2008. Ar-Rahn menerapkan unsur-unsul keadilan, ketelusan dan mudah serta cekap kepada pelanggan.

Dalam ucapan perasmian, Zainuddin Ahmad menyatakan sehingga kini sebanyak 321 syarikat francais telah mendaftar dengan Kementerian berkenaan. Kesemua francaisor itu menjalankan berbagai perniagaan termasuk perkhidmatan, makanan dan kraftangan yang beroperasi diseluruh negara.


PROGRAM PEMBANGUNAN TECHNOPRENEUR PKINK (INKUBATOR)



Program Pembangunan Teknopreneur PKINK (Inkubator) ini dianjurkan Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Bahagian Pembangunan Usahawan (PKINK) selaku agensi pelaksana. Program ini merupakan Fasa III daripada 'Technopreneur Academy Programme'.

Tempat : Makmal komputer PKINK Tingkat 7
Bangunan PKINK
Tarikh : 1 Disember 2007 - 28 Februari 2008
Masa : 5.00 pm - 12 pm (8.00 am-12 pm untuk hari minggu / cuti).

Seramai 24 peserta telah terpilih untuk menyertai Fasa ini yang terdiri daripada 11 peserta graduan universiti dan 13 peserta usahawan (yang mempunyai perniagaan sendiri). Pemilihan peserta ini adalah berdasarkan kepada cadangan dan idea projek yang dikemukakan oleh peserta-peserta semasa menyertai Fasa II sebelum ini. Cadangan dan idea projek ini dilihat oleh MDeC dan juga perunding-perunding yang dilantik oleh MDeC. Peserta-peserta yang dipilih untuk menyertai Fasa III ini dikehendaki menandatangani Perjanjian untuk mematuhi syarat-syarat Program. Perjanjian ini disediakan oleh pihak MDeC (seragam bagi semua PKN). Peserta akan diberi elaun bulanan berjumlah RM700.00. Elaun ini akan dibayar setelah mendapat sokongan daripada MDeC dan perunding berdasarkan kepada pencapaian peserta menyiapkan tugas yang diberikan.



MAJLIS BERBUKA PUASA

Bersama Rakyat

Sempena menyambut bulan Ramadhan yang penuh kemuliaan, PKINK telah mengadakan beberapa program ihya Ramadhan bermula 20 September bersamaan 8 Ramadhan lagi sehinggalah 12 Oktober bersamaan 30 Ramadhan.

Pada 10 Oktober 2007 bersamaan 28 Ramadhan 1429, PKINK telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa di Masjid Paya Rambai, Kota Bharu. Majlis tersebut turut di hadiri Dato' Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK, Pengurus Syarikat Anak Kumpulan PKINK, Anggota-Anggota PKINK dan masyarakat setempat. Selain majlis berbuka puasa diadakan juga majlis sumbangan derma kepada rakyat miskin setempat. Sebelum majlis berbuka puasa, diadakan tazkirah yang di sampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Ilias Ahmad dari KIAS





Bersama DATO' PROF DR. SIDDIQ FADZIL

Satu syarahan oleh Dato' Dr. Siddiq Fadzil daripada QI Consultans Sdn Bhd yang

bertajuk Kepimpinan/Pengurusan yang berkesan telah diadakan pada 21 November 2008 bertempat di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana.

Sesi tersebut dihadiri kira-kira 60 Anggota Kumpulan PKINK yang terdiri dari Ketua Eksekutif PKINK, Timbalan-Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK, Pengurus-Pengurus Syarikat Anak dan Pegawai Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Kumpulan PKINK. Syarahan selama 1 jam itu menjurus kepada ciri-ciri untuk menjadi pemimpin yang baik dan diteladani oleh anggota bawahan.





Kejohanan Tenpin Bowling Persahabatan PKINK dengan SUK Kelantan

Kota Bharu, 30 Disember 2007 - Satu Kejohanan Tenpin Bowling Persahabatan antara Pasukan Ketua Eksekutif PKINK dengan Pasukan YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah diadakan di Perdana Superbowl, Komplek Sukan Perdana.

Kejohanan bermula jam 9.00 malam dan berakhir pada 12.00 tengah malam, menyaksikan pasukan YB Dato' SUK Kelantan telah memenangi kejohanan tersebut. Permainan telah diadakan dalam beberapa kategori, iaitu Kategori VIP yang mana pasukan YB Dato' SUK Kelantan


yang dianggotai YB Dato' SUK, YAbs. Timbalan SUK (Pengurusan) dan YBr. En. Roslan Ludin (UPEN) telah memenangi acara ini, di mana Pasukan Ketua Eksekutif PKINK terdiri dari Ketua Eksekutif PKINK, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) dan Pegawai Khas Kepada Ketua Eksekutif. Dalam Kategori Berpasukan Pegawai dan Berpasukan Wanita juga telah dimenangi oleh Pasukan YB Dato' SUK, manakala dalam Kategori Berpasukan Ketua Bahagian dan Kategori Wanita VIP telah dimenangi oleh Pasukan Ketua Eksekutif PKINK.

INFO *Sihat* Bersahabatlah Dengan Air

Ramai yang tahu betapa banyaknya kebaikan mengambil air putih, oleh itu anda haruslah sentiasa bersahabat dengannya. Antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjadikan air putih sebagai sahabat setia anda ialah;

- Bawalah air putih dalam botol ketika meninggalkan rumah. Ini untuk memastikan anda tidak tertarik untuk minum minuman lain yang bergas dan berkafein.
- Sediakan segelas air putih ataupun sebotol di atas meja kerja anda.
- Ingatlah, air putih mempunyai keistimewaan untuk membuat nafsu makan anda berkurangan. Oleh itu, minuman jenis ini amat sesuai buat sesiapa yang berhajat untuk menurunkan berat badan.
- Minumlah segelas air putih sebelum makan dan segelas selepas makan.
- Biasakan minum air putih setelah anda bangun dari tidur
- Sesekali cuba campurkan air minuman anda dengan perahan limau nipis atau lemon untuk membangkitkan selera.
- Tahukah anda, satu kajian dari Universiti Aberdeen di Scotland mendapati bahawa kekurangan meminum air putih, salah satu keburukannya akan memberi kesan negatif pada kehidupan seksual anda. Tahukah anda, kandungan peluh yang dirembeskan ketika melakukan hubungan asmara selama 30 minit itu adalah bersamaan dengan larian berjarak 5 kilometer. Jadi bagi memastikan stamina terjaga, jangan lupa minum air putih yang banyak.

Jasa Mu Dikenang



JUMODI B. ABDULLAH - BERSARA WAJIB PADA 8 OKTOBER 2007

Mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Jurutera pada 14 Februari 1980 dan ditempatkan di Bahagian Teknikal. Sebelum ini beliau berkhidmat sebagai Jurutera Raya di Keretapi Tanah Melayu mulai 4 September 1979.

Beliau telah dipinjamkan kepada Kelkon Sdn Bhd, anak syarikat PKINK mulai 1 November 1984, dan ditamatkan tempoh pinjaman dan bertugas semula di Perbadanan mulai 1 Februari 1985. Selepas berkhidmat selama lima tahun iaitu mulai 1 Mac 1985 beliau telah dinaikkan pangkat ke Jawatan Jurutera Tingkatan Kanan.

Mulai 1 Disember 1986 hingga 1 Ogos 1989 beliau telah dipinjamkan ke Syarikat Prokel Management Sdn Bhd. Kemudiannya mulai 1 November 1990 beliau telah dipinjamkan ke Kelkon Sdn Bhd selama 2 tahun. Sekembalinya semula ke Perbadanan beliau telah dilantik sebagai Pengurus Projek Khas. Mulai 1 Januari 1993, beliau telah dinaikkan pangkat daripada J3 kepada J2

dan ditempatkan sebagai Pengurus Pembangunan Projek mulai 1 Oktober 1993.

Kemudiannya beliau telah ditempatkan di Sektor Hartanah mulai 16 Februari 1994 sebagai memangku Ketua Sektor. Mulai 15 Oktober 1994 beliau telah ditempatkan sebagai Ketua Portfolio Saham. Pada 1 Ogos 1995 hingga 31 Julai 2000 beliau telah dipinjamkan ke Kelbina Holding Bhd dan kemudiannya ditempatkan di Bahagian Projek Khas sebagai Pengurus Bahagian mulai 1 Ogos 2000.

Setelah berkhidmat dengan PKINK selama 27 tahun 7 bulan dan 14 hari, Jumodi Abdullah telah bersara wajib pada 8 Oktober 2007.



HAJI ABAS SALLEH - BERSARA WAJIB PADA 13 NOVEMBER 2007

Setelah berkhidmat dengan Perbadanan selama 27 tahun 8 bulan 12 hari, Tuan Haji Abas bin Salleh terpaksa meninggalkan PKINK apabila telah bersara wajib pada 13.11.2007.

Bermula di PKINK sebagai Pegawai Tadbir pada 1.2.1980 dan ditempatkan di bahagian Pembangunan Perindustrian. Mulai 1.12.1983 beliau dipinjamkan kepada Kompleks Perkayuan Kelantan Bhd sebagai Timbalan Pengurus Besar sehingga 10.11.1987, kemudiannya mulai 15.2.1988 beliau dipinjamkan kepada Permodalan Kelantan Bhd selama 2 tahun. Mulai 1.8.1989 beliau dipanggil balik ke Perbadanan dan ditempatkan ke Bahagian Perancangan Korporat. Bermula 1.1.1994 beliau ditempatkan di Sektor Pelancongan PKINK sebagai Pengurus Bahagian dan kemudiannya mulai 16.1.1996 dipinjamkan kepada Kelrest Holding selama 2 tahun.

Mula bertugas semula di Perbadanan sebagai Pengurus MIS mulai 1.10.1998 setelah dinaikkan pangkat ke gred N2. Mulai 16 Januari 2001 ditukarkan ke Bahagian Audit dan Naziran sebagai Pengurus Bahagian. Pada 1.1.2006 dinaikkan pangkat dari jawatan Pegawai Tadbir Gred N48 kepada Gred N52 dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) berkuatkuasa 1.4.2006 sehinggalah bersara wajib pada 13.11.2007



*Kejohanan Badminton
Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang*



Buat pertama kalinya Persatuan Badminton Melayu Pulau Pinang menganjurkan Kejohanan Badminton Jemputan Piala Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang bermula 27 hingga 30 Disember 2007.

Kejohanan ini melibatkan penyertaan lebih 200 orang pemain dari persatuan badminton negeri, kelab-kelab badminton termasuk dari Indonesia dan Singapura bagi merebut hadiah kejohanan RM7,000. Antara pasukan yang mengambil bahagian ialah Persatuan Badminton Perlis, Persatuan Badminton Melayu Kedah, Persatuan Badminton TLDM, Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK, Persatuan Badminton Pahang, Persatuan Badminton Melayu Selangor, Persatuan Badminton Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Badminton PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Persatuan Bulu Tangkis Melayu Indonesia Medan, Persatuan Badminton Mahin Sumatera Utara Medan dan Persatuan Badminton Melayu Singapura.

Kejohanan tersebut telah diadakan di Kompleks Sukan Badminton Universiti Sains Malaysia. Perasmian Kejohanan telah disempurnakan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Di kejohanan tersebut Pasukan Badminton Melayu Selangor telah muncul sebagai Johan dengan mengalahkan Pasukan Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK 3-0 pada perlawanan akhir. Sebagai Johan Pasukan Selangor memperolehi hadiah RM2,000 manakalan KSK PKINK membawa pulang RM1,000. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abas pada 30 Disember 2007.



KLINIK BADMINTON KSK PKINK

Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK telah menubuhkan Klinik Badminton KSK PKINK bermula April 2007, mulai jam 9.30 pagi - 11.30 pagi. Klinik Badminton ini diadakan di Dewan Badminton PBKN, Jalan Telipot, Kota Bharu. Kanak-Kanak yang berumur 7 - 12 tahun (Lelaki/Perempuan) ini diasuh di bawah bimbingan En. Mohd Asif Idris dengan dibantu beberapa bekas pemain Negeri dan Projek Negeri Kelantan.

Pendaftaran dibuka kepada semua rakyat Kelantan yang berminat, dengan dikenakan Yuran bulanan RM15.00 seorang sebulan, manakala yuran pendaftaran ialah RM10.00. Sehingga kini sambutan dikalangan ahli-ahli begitu menggalakkan, di mana seramai 42 orang ahli telah didaftarkan di bawah Klinik tersebut.

Antara lain tujuan klinik ini ditubuhkan ialah:

- Mencungkil serta mengilap bakat-bakat muda dalam sukan badminton
- Memberi pengenalan dan pendedahan awal kepada pemain-pemain tentang teknikal bermain badminton dengan cara yang taktikal & sistematik.
- Dapat melahirkan pemain-pemain yang berkalibar di peringkat Negeri Kelantan.
- Bersukan dapat menyihatkan badan dan kecerdasan minda serta dapat mengelakkan gejala sosial di kalangan anak-anak.
- Dapat membantu kelab, sekolah negeri dan negara dalam sukan badminton selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan sukan badminton salah satu sukan teras negara.

Kejohanan Sepak Takraw Antara Regu


Terbuka Kelantan
Piala Ketua Eksekutif PKINK

31 JAN HINGGA 2 FEB 2008
Dewan Jubli Perak MPKB & KB Mall


Anjuran:



&



PETA LOKASI



PROJEK KUMPULAN PKINK



تامن قيفايه

Taman Kifayah

BINARAYA

BANDAR JELI

80 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT

JASA 1A

Dari **RM 79,900** bersewa



Sebuah lagi Projek Perumahan Oleh:

بِنارَيا بِنَكِه دِي هِن كِه سَنَدِرِي رِه سَه
BINARAYA PKINK SDN. BHD. (2017-U)

Syarikat Pemaju Hartanah Milik Kumpulan PKINK
PT 747, Bangunan Binaraya, Jalan Abdul Kadir Adabi (Berek 12),
15200 Kota Bharu Kelantan.
Tel: 09-741 4455 / 09-741 4465 Fax: 09-741 4450
email: marketing@binaraya.com.my
Website: www.binaraya.com.my



بِنارَيا بِنَكِه دِي هِن كِه سَنَدِرِي رِه سَه
BINARAYA PKINK SDN. BHD.